

15/03/2000

Peluang melabur di Slovak

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli perniagaan Malaysia digalakkan melabur dalam industri perbankan dan pelancongan di Republik Slovak sebagai usaha meningkatkan kerjasama perdagangan antara kedua-dua negara.

Menteri Luarnya, Eduard Kukan, berkata usahawan Malaysia juga berpeluang menyertai program penswastaaan syarikat telekom negara itu yang tendernya akan dibuka tidak lama lagi.

"Slovak yang berpisah dari Czechoslovakia pada 1993 sangat mengalukan pelaburan asing, termasuk pembelian ekuiti bank di negara itu," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Kukan yang dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia berkata, Slovak bercadang menubuhkan pejabat konsul di Kuala Lumpur dalam usaha mengukuhkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

Ketika ini, hal ehwal berkaitan Slovak diuruskan oleh kedutaan Malaysia di Vienna sementara kepentingan Slovak di Malaysia ditadbir menerusi kedutaan negara itu di Jakarta.

Beliau juga mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya selain menemui Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kukan berkata, dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, beliau membincangkan mengenai kerjasama dua hala dan perdagangan selain menyampaikan jemputan Presiden Slovak kepada Dr Mahathir untuk melawat negara itu.

Beliau turut mempelawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) mengadakan misi perdagangan ke negara itu bagi meninjau peluang perniagaan.

"Pelbagai peluang perdagangan boleh diterokai bersama di negara itu, termasuk industri pelancongan yang berkembang pesat sekarang," katanya sambil menyatakan rasa kagum kejayaan Malaysia mengatasi krisis ekonomi yang dihadapinya kira-kira dua tahun lalu.

Kukan berkata, negara itu juga sedia mengadakan usaha sama dalam industri senjata, termasuk menawarkan penyelenggaraan senjata berat yang dibeli Malaysia.

(END)